



Istana Bukit Tinggi

Oleh A. GHAFAR A. LATIP
Foto ADNAN JAMIL

TUNKU Kudin atau Tunku Dziauddin, adik Sultan Ahmad Tajudin, sultan Kedah (1854-1879) adalah putera raja yang penuh legenda dan kontroversi dalam sejarah Malaysia. Semasa menjadi Raja Muda Kedah, Tengku Kudin mendirikan sebuah istana dua tingkat di Bukit Tinggi, Kepala Batas, Kedah. Di depan istana itu ada dibina sebuah taman bunga cempaka. Adalah dipercayai tembok istana ini menggunakan manisan lebah bagi menggantikan simen. Di istana itulah Tunku Kudin menginap dan menjalankan pentadbirannya sebagai Raja Muda serta mengajar rakyat Kedah cara-cara menanam padi dengan lebih baik.

Dalam tahun 1873 Tunku Kudin terlibat dalam sengketa politik Selangor. Tengku Ya'akob kemudiannya dilantik menggantikan Tunku Kudin sebagai Raja Muda. Tunku Kudin yang menjadi menantu dan orang kanan Sultan Abdul Samad, Selangor, cukup berperanan dalam

perang saudara di lembah Klang itu. Tunku Kudin mangkat di Pulau Pinang pada tahun 1909.

Istana yang berusia lebih seratus tahun itu kini terbiar dimamah zaman. Pohon-pohon liar menjalar memenuhi di tembok-tembok batu kukuh. Pelbagai tulisan liar dan lucas menghiasi di setengah-setengah tempat. Sehingga kini tidak seorang pun ahli sejarah, ahli politik dan pencinta seni yang sudi memagari atau memeliharanya. Di sekeliling tapak istana itu telah diusahakan projek perumahan. Istana itu masih terbiar sepi sehingga ada pelancong menyangka tempat orang membuang sampah dan bukan tempat sejarah. Walaupun zaman kegemilangan istana Bukit Tinggi di daerah Kubang Pasu sudah tidak wujud lagi, elok rasanya jika bangunan itu dibersihkan dan dijaga. Sekurang-kurangnya usaha pemuliharaan bangunan itu untuk generasi kini mempelajari sejarah silangnya. Sebab sejarah itu mengajar. *DE*